



**BAHAGIAN PERUMAHAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Rujukan : SUKNS.700-9/11/8 Jld 2 (89)

Tarikh : 11hb Mac 2020

KENYATAAN SEBUT HARGA BAHAGIAN PERUMAHAN

Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **CIDB MALAYSIA** dalam **Gred G2** dalam kategori pengkhususan **B24 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang masih sah laku** dibenarkan memenuhi tawaran ini bagi melaksanakan kerja-kerja berikut :

BP 09/2020 Kerja-Kerja Membuka Dan Membina Baru Tempat Pembuangan Sampah Bagi Unit Rumah Dan Kerja Berkaitan Di Rumah Pangsa Senawang 1, Daerah Seremban, Negeri Sembilan.

2. Penender yang berminat hendaklah hadir ke **Rumah Pangsa Senawang 1** untuk taklimat (**Wajib**) pada **18 Mac 2020 (Rabu)** jam **9.30 pagi**. **Sila bawa bersama sijil-sijil ASAL seperti yang dinyatakan di perenggan 1. Wakil TIDAK DIBENARKAN hadir ke sesi taklimat tersebut.** Penender hendaklah membawa bersama **COP SYARIKAT** semasa hadir untuk taklimat dan lawatan tapak tersebut.
3. Dokumen akan mula dijual pada **18 Mac 2020 (Rabu)** iaitu pada pukul **3.00 petang**. Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) yang **ASAL** dan masih sah hendaklah ditunjukkan semasa mendapatkan dokumen Sebut Harga. Sebut Harga tidak akan diberikan kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil tersebut. Dokumen tidak akan dijual sebelum tarikh ini. Segala butiran dan dokumen boleh didapati semasa waktu pejabat seperti berikut:-

HARI	WAKTU
ISNIN – KHAMIS	8.30 pagi – 12.30 tengahari
	2.15 petang – 4.30 petang
JUMAAT	8.30 pagi - 12.00 tengahari
	2.45 petang - 4.30 petang

4. Sebutharga akan ditutup pada **25 Mac 2020 (Rabu)** jam **12.00 tengahari**. Semua borang sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Bahagian Perumahan (BP), Tingkat 4, Blok D, Wisma Negeri, Jalan Dato' Abdul Kadir, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**. Dokumen yang dihantar selepas jam 12.00 tengahari, tidak akan diterima.
5. Bayaran sebanyak **RM 50.00** boleh dibuat secara **TUNAI / WANG POS / WANG KIRIMAN POS / DERAJ BANK** bagi pembelian setiap dokumen dan hendaklah dibayar di atas nama Bendahari Negeri, Negeri Sembilan.


(**MOHD FAZLI BIN ABD JALIL**)

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perumahan